

27 NOV 1999
Khalil-Temubual
KHALIL HURAI ISU PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Orang ramai kini membicarakan dengan lantang hal-hal politik seperti perubahan, kebebasan dan pemberian kuasa menjelang pilihan raya umum ke 10 Isnin ini.

Adakah kebebasan disekat? Adakah kerajaan mendengar keluhan rakyat? Bernama mengajukan soalan-soalan ini dan banyak lagi yang hangat dibicarakan oleh sebahagian masyarakat kepada setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Pengarah Operasi Barisan Nasional bagi pilihan raya kali ini.

Berikut adalah petikan temubual itu.

Soalan: Bagaimana reaksi kerajaan BN terhadap desakan untuk diadakan perubahan?

Jawapan: Biar saya ceritakan sedikit sebanyak daripada perspektif sejarah. Politik di Malaysia bukan dilahirkan semalam. Untuk sekian lamanya, berjuta-juta rakyat Malaysia telah mengambil bahagian dalam proses politik. Sebenarnya, kempen politik yang dianjurkan bermula pada 1946 apabila satu kebangkitan rakyat memaksa penjajah British membatalkan Malayan Union, yang akan mengaibkan Raja-raja Melayu.

Pada tahun-tahun berikutnya, politik lebih ketara di kawasan luar bandar. Dan sudah tentu, dengan adanya kemakmuran, lebih ramai orang menyertai politik. Sememangnya, dunia berputar. Kini hal-hal seperti pemberian kuasa dan kebebasan dibangkitkan oleh mereka yang bergelar intelek dan profesional.

Kerajaan BN mengikuti segala perkembangan ini. Kita melayan semua orang. Kita terpaksa. Kita adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Kami dengar kerana untuk menjadi relevan bagi tahun-tahun yang mendatang, kita harus tahu kehendak rakyat.

S: Para pengkritik yang lebih lantang tidak beranggapan bahawa Kerajaan BN bersikap terbuka kepada cadangan, idea dan rungutan. Komen Tan Sri?

J: Yang sebenarnya ialah Umno, sebelum itu Perikatan dan kini Barisan Nasional, merupakan agen penting perubahan. Perikatan berjuang untuk mendapatkan pemerintahan sendiri dan BN mengetuai usaha untuk membawa kemakmuran dan harga diri. Pada 1969, isunya adalah perubahan ekonomi, yang mendorong Kerajaan Perikatan memperkenalkan DEB. Semasa krisis ekonomi baru-baru ini, Kerajaan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, yang seterusnya menemui lebih 250 agensi, kumpulan dan syarikat. Mereka bersama-sama merangka penyelesaian untuk membawa negara keluar daripada kemelut ekonomi.

Isu-isu yang berbeza timbul pada masa-masa yang berbeza dalam sejarah negara kita yang masih muda ini. Sekiranya BN tidak memberi respons kepada isu-isu itu pada masa-masa tersebut, di manakah kita akan berada pada hari ini? (Sesetengah orang) telah menimbulkan idea bahawa BN tidak peka kepada perubahan. Adakah mereka berkata bahawa kita merupakan Kerajaan yang sama dengan dasar-dasar yang sama dari 1946 sehingga sekarang? Adakah kita kaku? Adakah kita masih membicarakan perkara yang sama selama 42 tahun yang lalu? Adakah kita masih membicarakan sama ada kita harus mengairi Kawasan Muda atau haruskah kita bertukar dari getah kepada kelapa sawit? Adakah kita

masih membicarakan sama ada untuk mengadakan bursa saham berasingan dari Singapura atau mempunyai syarikat penerbangan kita sendiri? Tidak. Kita mendengar, kita berbincang dan kita meneruskan usaha untuk merangka dasar-dasar yang sesuai mengikut keadaan.

Kita mendengar dan kita bertindak. Ini digambarkan menerusi tindakan-tindakan kita. Idea untuk menubuhkan Institut Teknologi Mara (kini dinaikkan taraf menjadi sebuah universiti) dan Bank Bumiputra timbul dari Kongres Ekonomi Bumiputera. Umno melaksanakannya.

BN secara keseluruhannya sangat terbuka. Apabila persatuan-persatuan Cina mengemukakan satu memorandum baru-baru ini, ramai yang tertanya-tanya bagaimana kerajaan akan menanganinya. Kita mendengar dan kita mengadakan perbincangan dengan mereka.

Dalam sistem kita, pendapat setiap rakyat Malaysia dihargai. Apabila rakyat mengadu mengenai kadar tol, kita mendengar, menurunkan kadar itu dan memberi subsidi kosnya. Apabila masyarakat peniaga mengadu bahawa kadar faedah yang tinggi menjejaskan perniagaan mereka dan pemilik rumah menghadapi risiko kehilangan rumah mereka, kita mendengar dan menggubal dasar yang dapat meningkatkan kecairan dalam pasaran dan menurunkan kadar faedah. Apabila ada maklumat balas mengenai langkah untuk mencatatkan agama penganut di dalam kad pengenalan, kita meminda dasar itu untuk menggambarkan pendapat rakyat Malaysia. Kita mendengar dan kita bertindak.

S: Namun begitu, ada orang percaya kuasa terletak di tangan orang tertentu. Bagaimana Tan Sri dapat mematahkan dakwaan ini?

J: Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah diperkatakan tetapi saya ingin mengingatkan anda bahawa Kerajaan sentiasa mendengar. Sebagai contoh, Umno mempunyai satu sistem yang membolehkan sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh seseorang anggota cawangan sampai ke Majlis Tertinggi, dan jika perlu, kepada Perhimpunan Agung Umno.

Memang tidak dinafikan bahawa berlaku penyalahgunaan kuasa seperti yang dibuktikan pada 1993 apabila kesucian suara akar umbi dicemari. Orang yang berkempen bagi (Datuk Seri) Anwar Ibrahim, yang mencabar (Tun) Ghafar Baba bagi jawatan kedua tertinggi dalam Umno, memanipulasikan proses pencalonan, yang masing-masing memperuntukkan 10 undi bonus.

Kami mengadakan pelbagai mesyuarat untuk mengumpul maklumat balas. Sebagai contoh, bagi Belanjawan, kami memulakan persiapan pada Mei dan mengadakan beberapa siri dialog. Kita kini mempunyai Majlis Perundingan Ekonomi (Mapen2). Kita menjemput Pembangkang tetapi mereka menolak. Jika anda pernah menghadiri mesyuarat-mesyuarat di pelbagai peringkat di Umno, anda akan melihat bagaimana dakwaan "tiada kebebasan" itu merupakan satu mitos semata-mata.

Banyak yang boleh dilakukan oleh seseorang jika dia ingin turut serta dalam perdebatan politik. Dia boleh menyertai satu parti politik atau membentuk satu kumpulan diskusi politik yang longgar dan berbincang dengan Anggota Parlimen untuk mengutarakan pendapatnya. Ini seperti satu kumpulan pendesak. Dia boleh juga menulis pendapat peribadi kepada ahli-ahli politik atau kepada akhbar dan pelbagai penerbitan yang lain. Kami mengalu-alukan mereka. Saya sendiri telah menerima banyak surat sejak bertahun-tahun lepas daripada rakyat Malaysia yang penuh bersemangat. Ada yang menulis dengan penuh perasaan, walau apapun, saya masih membacanya. Ada juga surat-surat yang saya bawa kepada pengetahuan Kabinet. Rakan-rakan Kabinet yang lain turut melakukan perkara yang sama.

S: Adakah Kerajaan BN yang seterusnya memberi peluang kepada setiap rakyat Malaysia untuk menyuarakan pendapat mereka?

J: Apabila anda tahu mengenai sesuatu -- tulis, bercakap kepada ahli politik dan melahirkan pendapat anda pada setiap forum yang ada, anda akan

menyedari bahawa terdapat banyak kebebasan di negara ini. Banyak ruang bagi mereka yang mempunyai minat mendalam atau sebaliknya dalam politik. Akan tetapi anda harus berbuat sesuatu. BN adalah parti yang paling demokratik di dunia ini. Ia memerlukan maklumat balas dan ketika memberi maklumat balas, rakyat Malaysia tidak harus menyerahkan hak mereka kepada kumpulan seperti Chandra Muzaffar-Lim Kit Siang-Jomo Sundram. Mereka tidak boleh diberikan peluang untuk memaksa orang membuat pendirian. Mereka adalah sebuah kumpulan kecil. Setiap rakyat Malaysia merdeka dan bebas dan mempunyai pendapat kita sendiri. Anda semua tahu bahawa majoriti senyap mempunyai pendapat yang jauh berbeza dengan mereka yang lantang mengkritik.

S: BN telah dituduh menyebarkan idea membangunkan negara sebagai cara untuk terus kekal memerintah. Komen Tan Sri?

J: Para pengkritik mungkin beranggapan bahawa membangunkan negara adalah sesuatu yang lucu. Usaha membangunkan negara adalah perkara yang benar dan setiap rakyat Malaysia harus menyumbang ke arah menjadikan negara ini suatu tempat yang lebih selesa bagi kita semua dan bagi mereka yang menentang kita. Ia adalah mengenai memupuk keyakinan dan harga diri yang wujud melalui pengetahuan dan kecakapan. Usaha gigih sangat perlu. Kita harus mahir dalam bidang teknologi. Kita tidak harus mempunyai mentaliti pemalas. Dunia ini adalah pasaran kita. Orang lain telah bermula awal. Sebagai pendatang baru, kita mempunyai kelebihan yang lain -- idea bernas dan sikap yang memberangsangkan.

Membangunkan negara bukan satu perkara mudah. Kita telah maju sehingga kini hasil daripada usaha membangunkan negara oleh pemimpin kita masa lampau, dan kita teruskan usaha itu. Kita harus berfikir sebagai sebuah negara. Kita harus bertindak sebagai satu. Kita harus kekal bersatu. Segala kemakmuran yang kita kecapai kini tidak datang bergolek. BN serius. Kita bekerja keras. Rakyat bersama-sama kita. Kita bekerja sebagai sebuah pasukan. Semangat berpasukan seperti ini yang telah membawa kemakmuran, keamanan dan kestabilan kepada kita. Kita akan bekerja lebih gigih untuk memastikan lebih banyak kejayaan. Kita telah mengotakan janji itu pada masa lepas dan pada masa akan datang.

S: Apabila negara semakin makmur, tidakkah Tan Sri fikir desakan untuk perubahan akan semakin kedengaran?

J: Itu perkara biasa. Pada asasnya ia adalah suatu perkara yang baik untuk bercakap mengenai perubahan. Akan tetapi, kami di BN, dan saya pasti majoriti rakyat, percaya bahawa perubahan harus berupa peningkatan yang telah kita bina bersama. Rakyat Malaysia dan Barisan Nasional telah berganding bahu selama 42 tahun. Kita adalah seperti pasangan yang telah lama berkahwin. Sepanjang masa berlalu, kita mungkin merungut dan kita mungkin bersungut dan kita membuat sedikit perubahan di sana sini. Akan tetapi kita tidak mencampakkan isteri atau suami kita yang telah bersama 42 tahun semata-mata untuk membuat eksperimen untuk tempoh lima tahun. Kita bersama-sama melakukannya. Kita mengenali antara satu sama lain dan kita menyesuaikan diri.

Kita tidak boleh mencampakkan apa yang baik dan yang berfungsi kerana kita mahu sedikit keseronokan dan perubahan semata-mata kerana inginkan perubahan. Kami ingin memberitahu kepada semua pengundi, berilah mandat kepada kami untuk membuat perubahan yang anda mahukan. Kami sentiasa mendengar dan memberi respons terhadap pandangan pengundi. Kami adalah ejen anda bagi perubahan.

S: Para pemimpin BN seringkali menggesa pengundi supaya keluar beramai-ramai untuk mengundi. Ada sebab tertentu BN berbuat demikian?

J: Kita kini berada di peringkat pembentukan negara yang seterusnya.

Anda, kawan anda, adik lelaki anda, ibu anda dan setiap orang di sekeliling anda yang menjadikan negara ini hebat. Rakyat biasa yang menentukan nasib negara. Bukan Al Gore (Naib Presiden Amerika Syarikat), bukan Douglas Paal (presiden Pusat Dasar Asia Pasifik yang ditaja oleh Anwar) dan pemimpin-pemimpin pembangkang.

Kita mengundi bukan untuk menegaskan kebencian atau untuk mengajar ahli politik tertentu. Ia untuk memastikan masa depan anak-anak kita dan masa depan cucu cicit kita. Negara telah mencapai kejayaan. Jika kita amati, perkara ini sangat jelas. Barisan Nasional melambangkan keharmonian, perpaduan, keamanan dan kejayaan.

S: Bolehkah sebuah negara mencapai kejayaan tanpa sebuah Kerajaan yang boleh dipercayai?

J: Politik adalah mengenai kepimpinan. Kepimpinan memerlukan kekuatan, keberanian, disiplin dan pemikiran yang mendalam. Kita harus membuat keputusan yang sukar dan berpegang padanya. Dan, kita harus bersedia untuk menjadi tidak popular.

Kenapa autobiografi mengenai pemimpin agung begitu laris? Ia kerana kemampuan mereka untuk memberi inspirasi. Mudah bagi Barisan Alternatif untuk bercakap kononnya kepimpinan mereka adalah secara kolektif. BN juga didasarkan kepada kepimpinan yang kolektif yang diterajui Dr Mahathir Mohamad. Oleh sebab itu anda melihat banyak soalan dibangkitkan mengenai calon pembangkang bagi jawatan perdana menteri.

Kebanyakan rakyat Malaysia yakin mereka tidak boleh bersepakat. Jika anda mengkaji trend, anda akan melihat bahawa pembangkang langsung tidak menyebut Anwar sebagai calon PM mereka semasa tempoh berkempen. Para penyokong PAS terutamanya tidak suka idea itu. Sesetengah kawan saya di sekolah sebenarnya menyokong PAS sejak dahulu lagi. Mereka tidak fikir Anwar sesuai menjadi pemimpin mereka. Para penyokong PAS ini lebih menghormati Dr Mahathir.

Saya telah memberitahu orang ramai bahawa untuk memastikan kepimpinan secara kolektif berjaya, kita memerlukan seorang pemimpin yang teguh dan teruji. Apa-apa yang lain akan mengundang persengketaan, menikam belakang dan undi tidak percaya. Kepimpinan dan pentadbiran yang betul di samping keringat setiap rakyat Malaysia yang telah memberikan kita keselesaan dan kemakmuran.

Negara semestinya tidak boleh bergerak menggunakan pemandu automatik. Ia harus dikemudi pada haluan yang betul. Indonesia mungkin kaya daripada segi sumber asli termasuk minyak tetapi Indonesia belum dianggap sebuah negara yang makmur.

S: Akhir sekali, apa pendapat Tan Sri mengenai majoriti senyap ini?

J: Itu adalah tema utama kita. Mereka adalah golongan yang tidak mahu terbabit dalam perbalahan yang remeh. Mereka tidak melahirkan pendapat mereka. Tetapi ia tidak bererti mereka tidak meminati politik berbanding kumpulan yang setiap masa berbicaraan mengenai politik. Ini adalah satu-satunya peluang bagi majoriti senyap ini untuk membuktikan pendirian mereka. Mereka secara amnya rajin berusaha, rakyat Malaysia yang bertimbang rasa, berjaya dan percaya kepada usaha membangunkan negara. Mereka tidak tunduk kepada tipu helah pembangkang yang memainkan tema merayu belas kasihan ("Kami sudah tentu akan kalah. Oleh itu berikan kami beberapa kerusi.")

Majoriti senyap harus keluar beramai-ramai dan menamatkan permainan politik yang sia-sia ini yang dicetuskan oleh mereka yang merasakan tidak ada suatu apapun yang betul. Rakyat Malaysia tahu bahawa ia tidak benar.

Marilah kita teruskan penghidupan seharian kita.

-- BERNAMA

AU AKD MAI